

## KESEDARAN DAN PERSEPSI GURU TERHADAP PEMBANGUNAN SUMBER MODAL INSAN DI SARAWAK

Ahmad Nasir Mohd Yusoff<sup>1</sup>, Aryaty Alwi<sup>2</sup>, Fakhzan Buang<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400, Serdang, Selangor,

<sup>2</sup> Fakulti Sains Sosial Dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu, Sarawak, Jalan Nyabau, 97008, Bintulu, Sarawak

ahmadnasir@upm.edu.my

### ABSTRAK

Pembangunan sumber manusia merupakan satu aspek penting untuk pembangunan pendidikan dalam sesebuah negara. Pengenalan konsep modal insan termaktub dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan bertepatan dengan keperluan kini. Modal insan yang diketengahkan adalah modal insan yang berkualiti yang menjadi teras utama RMK-9. Pembangunan modal insan yang akan dilaksanakan secara holistik merangkumi pemerolehan pengetahuan dan kemahiran atau modal intelek termasuk keupayaan keusahawanan dan pengetahuan Sains dan Teknologi (S&T) serta memiliki sikap, nilai, etika positif dan progresif melalui pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat. Pendidikan memainkan peranan penting dalam membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, keperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju untuk abad ke-21. Modal insan yang ingin dihasilkan adalah yang mampu berfikir secara kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang-peluang baru, mempunyai ketahanan serta berkebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran yang lebih global dan sering berubah-ubah. Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia diberikan tugas yang berat sebagai pemimpin yang dapat menghasilkan modal insan berpotensi, mempunyai kemahiran yang fleksibel dan pelbagai, memiliki ciri-ciri peribadi dan perspektif hidup yang membolehkan mereka berjaya dalam kehidupan dan mampu memajukan lagi Negara di mata dunia, selari dengan hasrat dan Falsafah Pendidikan Negara. Pembangunan modal insan ini amat penting dalam kehidupan masa kini. Pelbagai langkah harus dijalankan untuk menggalakkan pembangunan modal insan dalam diri generasi pada masa kini. Kajian ini ingin mengenalpasti kesedaran dan persepsi guru terhadap pembangunan sumber modal insan di Sarawak, keilmuan yang dimiliki para guru, persepsi guru terhadap isu-isu semasa, persepsi guru terhadap permasalahan pembelajaran pelajar dan cadangan penambahbaikan dalam proses pembelajaran di sekolah.

Kata kunci: Kesedaran, Persepsi Guru, Pembangunan, Sumber Modal Insan, Sarawak

### ABSTRACT

*Human resource development is an important aspect of the development of education in a country. The concept of human capital concept is enshrined in the Ninth Malaysia Plan (RM9) and is in line with current needs. The human capital presented is the quality human capital that is the main thrust of the 9th Malaysia Plan. The human*

*capital development that will be implemented holistically includes the acquisition of knowledge and skills or intellectual capital including entrepreneurship and knowledge of Science and Technology (S & T) as well as attitudes, values, positive and progressive ethics through education, training and lifelong learning. Education plays an important role in developing a strong, skilful, talented, knowledgeable and highly skilled human capital to fill the needs of a developed nation for the 21st century. The human capital that you want to produce is capable of thinking critically and creatively, solving problem solving skills, creating new opportunities, endurance and being able to deal with a more global and often changing environment. The Ministry of Higher Education Malaysia is given a heavy duty as a leader who can produce potential human capital, possessing flexible and diverse skills, possessing personal characteristics and life perspectives that enable them to succeed in life and able to further develop Countries in the eyes of the world, in line with the wishes and the National Education Philosophy. This human capital development is very important in today's life. Various steps should be taken to encourage the development of human capital in today's generation. The study aims to identify teachers 'perceptions and perceptions on the development of human capital resources in Sarawak, the teachers' knowledge, teachers 'perceptions on current issues, teachers' perceptions of student learning problems and suggestions on improvement in the learning process in schools.*

*Keywords: Awareness, Teacher Perception, Development, Human Capital Source, Sarawak*

### PENGENALAN

Guru berperanan dalam melahirkan pelajar yang berfikiran kelas pertama dan mampu dihasilkan melalui peranan pihak sekolah dan guru-guru berlatar belakang pendidikan yang pelbagai, terlatih, berpendidikan tinggi, stabil dari sudut pendapatan, dan berkhidmat dalam tempoh yang agak lama dan cukup matang dalam mendidik pelajar. Guru antara insan yang berkarisma dan bertanggungjawab menghasilkan pelajar yang dapat meneruskan pengajian ke universiti, cemerlang dari segi ilmu pengetahuan dan memenuhi keperluan kemahiran kebolehpasaran dan kebolehkerjaan. Kesedaran dalam kalangan guru inilah yang berupaya membina insan berkualiti, berdaya saing, berkebolehan menguasai isu-isu global terutama dalam membangun ekonomi negara dan berurusan dengan industri serta firma yang sesuai dengan kebolehpasaran pelajar. Ekonomi dan pembangunan modal insan Sarawak pasti terserlah dengan baik hasil sumbangan sumber manusia dan keupayaan individu pelajar memiliki, mempersembahkan dan menentukan segala kemahiran untuk membina negara yang aman, rakyat yang berpendidikan tinggi, dan menguasai isu-isu semasa dengan tenang dan berhikmah.

### DAPATAN DAN PERBINCANGAN

	Kekerapan	Peratusan
<b>Status Guru</b>		
Terlatih	78	97.5
Tidak Terlatih	2	2.5
<b>Jantina</b>		
Lelaki	41	51.2

Perempuan	39	48.8
<b>Agama</b>		
Islam	47	58.8
Kristian	30	37.5
Budha	2	2.5
Lain-lain	1	1.3
<b>Umur</b>		
25 dan kurang	13	16.3
26-30	39	48.8
31-35	10	12.5
36-40	7	8.8
41-45	5	6.3
46-50	3	3.8
51 atau lebih besar	3	3.8
<b>Status Jawatan</b>		
Tetap	78	97.5
Tidak tetap (kontrak, semestara, ganti, sandaran dan harian)	2	2.5
<b>Pendapatan sebulan (gaji pokok dan elaun) (RM)</b>		
1000 dan kebawah	1	1.3
1001-3000	25	31.3
3001-5000	49	61.3
5001-7000	5	6.3
<b>Status Perkahwian</b>		
Bujang	43	53.8
Kahwin	37	46.3
<b>Taraf pendidikan</b>		
STPM	3	3.8
Diploma	2	2.5
Sarjana muda	72	90.0
Sarjana	3	3.8
<b>Bilangan tahun perkhidmatan</b>		
1	13	16.3
1-3	27	33.8
3-5	12	15.0
5-10	11	13.8
10-15	6	7.5

15-20	5	6.3
20 dan ke atas	6	7.5
Etnik / Bangsa		
Iban	15	18.8
Melayu	40	50.0
Melanau	4	5.0
Cina	5	6.3
Kadayan	4	5.0
Bisaya	1	1.3
Kelabit	1	1.3
Lain-lain (Bidayuh, Lun Bawang,		
Negeri asal		
Kedah	2	2.5
Kelantan	11	13.8
Melaka	1	1.3
Negeri Sembilan	1	1.3
Pahang	1	1.3
Perak	6	7.5
Pulau Pinang	2	2.5
Sabah	5	6.3
Sarawak	45	56.3
Selangor	2	2.5
Terengganu	4	5.0

Jadual 1: Demografi

Jadual di atas menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut status guru terlatih atau tidak terlatih, jantina, agama, umur, pendapatan bulana, status perkahwinan, pendidikan dan tahun perkhidmatan dan negeri asal. Kebanyakan dapatan menunjukkan 78 orang (97.5%) terdiri daripada guru terlatih dan hanya 2 orang atau 2.5% sahaja yang tidak terlatih. Manakala dari segi jantina seramai 41 orang (51.2%) adalah lelaki dan 39 orang (48.8%) adalah perempuan.

Dapatan menunjukkan seramai 47 orang (58.8%) responden beragama Islam. Diikuti 30 orang (37.5%) Kristian, 2 orang (2.5%) Budha dan lain-lain agama seramai 1 orang atau 1.3% sahaja. Dari segi umur pula responden yang berumur antara 26 hingga 30 orang adalah seramai 39 orang (48.8%). Diikuti responden yang berumur antara 25 dan kurang seramai 13 orang (16.3%), antara 31 hingga 35 tahun seramai 10 orang (12.5%). Seramai 5 orang (6.3%) berumur antara 41 hingga 45 tahun dan masing-masing 3 orang yang berumur antara 46-50 tahun dan yang berumur 51 tahun ke atas.

Manakala dalam aspek status jawatan pula, majoriti yang berstatus tetap adalah seramai 78 orang (97.5%) dan hanya 2 orang (2.5%) yang tidak tetap seperti kontrak, sementara, ganti, sandaran dan harian. Berkaitan dengan pendapatan sebulan (gaji pokok dan elaun), dapatan menunjukkan responden yang berpendapatan antara RM3001-RM5000 adalah yang paling tinggi iaitu seramai 49

orang (61.3%). Diikuti pendapatan RM1001-RM3000 adalah seramai 25 orang (31.3%). Manakala 5 orang (6.3%) berpendapatan antara RM5001-RM7000 dan hanya 1 orang (1.3%) berpendapatan RM1000 dan ke bawah. Dari segi status perkahwinan pula seramai 43 orang (53.8%) masih bujang dan 37 orang (46.3%) sudah berkahwin.

Kebanyakan responden dari segi taraf pendidikan, mendapat ijazah sarjana muda iaitu seramai 72 orang (90.0%). Diikuti masing-masing 3 orang (3.8%) berpendidikan STPM dan Sarjana dan hanya 2 orang (2.5%) berkelulusan diploma. Rata-rata responden yang berkhidmat selama 1 hingga tahun adalah seramai 27 orang (33.8%). Diikuti 13 orang (16.3%) hanya setahun, 12 orang (15.0%) berkhidmat antara 3 hingga 5 tahun dan 11 orang sahaja (13.8%) berkhidmat antara 5 hingga 10 tahun. Masing-masing dapatan menunjukkan seramai 6 orang (7.5%) berkhidmat antara 10 hingga 15 tahun dan 20 tahun ke atas. Manakala 5 orang (6.3%) berkhidmat antara tahun 15 hingga 20 tahun ke atas.

Dari segi etnik atau bangsa, seramai 40 orang (50.0%) responden adalah orang Melayu. Diikuti bangsa Iban seramai 15 orang (18.8%), 5 orang (6.3%) Cina dan masing-masing analisa menunjukkan responden adalah berbangsa Melanau dan Kadayan. Manakala selebihnya adalah berbangsa Melanau dan Kadayan seramai 14 orang (5.0%) dan masing-masing 1 orang (1.3%) adalah daripada bangsa Bisaya dan Kelabit serta 10 orang (12.5%) adalah berbangsa Bidayuh, Lun Bawang, Kadazan/Dusun, Punjabi, Visaya dan Bumiputera Sabah.

Kebanyakan responden berasal dari Sarawak seramai 45 orang (56.3%), 11 orang (13.8%) berasal dari Kelantan, 6 orang (7.5%) dari Perak, 5 orang (6.3%) dari Sabah, 4 orang (5.0%) dari Terengganu. Masing-masing seramai 1 orang (1.3%) berasal dari Melaka dan Negeri Sembilan. Manakala 2 orang lagi (2.5%) masing-masing berasal dari Pulau Pinang, Selangor dan Kedah.

Bidang/Gabungan Bidang	Kekerapan	Peratusan
B. Inggeris	1	1.3
B. Melayu	12	15.0
B. Melayu, Kimia	1	1.3
B. Melayu, Sejarah	1	1.3
B. Melayu/ Geografi (PMG)	1	1.3
Bahasa Inggeris	1	1.3
Bimbingan & Kaunseling	2	2.5
Biologi, Sains	1	1.3
Ekonomi Asas	2	2.5
English	6	7.5
Fizik	3	3.8
Geografi	2	2.5
K. Hidup Bersepadu	1	1.3
Kemahiran Hidup	4	5.0
Kesusasteraan Melayu	1	1.3
Kesusasteraan Melayu, PSV	1	1.3
Kimia	1	1.3
Lukisan	1	1.3
Matematik	2	2.5
Matematik Tambahan	1	1.3
P. Islam	3	3.8
P. Moral	1	1.3
P. Moral, B. Melayu	1	1.3
Pendidikan Sains	2	2.5
Pendidikan Sains Sukan	2	2.5
Pendidikan Sains, Pendidikan Seni	1	1.3

Pengajian Am	3	3.8
Pengajian Am, Kaunseling	1	1.3
Pengajian Malaysia	1	1.3
Pengurusan Perniagaan	1	1.3
Perdagangan	2	2.5
PJK	1	1.3
Sains	1	1.3
Sains Pertanian	1	1.3
Sastera/Sejarah	1	1.3
Sejarah	4	5.0
Sejarah, P. Islam	1	1.3
Teknologi serta Pendidikan	1	1.3
Tidak dinyatakan	7	8.8

Jadual 2: Bidang Pengkhususan Guru Semasa Di IPG

Jadual di atas menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut bidang pengkhususan semasa di IPG. Dapatan menunjukkan seramai 12 orang (15.0%) adalah dalam bidang Bahasa Melayu. Diikuti 6 orang (7.5%) bidang English, 4 orang (5.0%) kemahiran hidup dan Sejarah, masing-masing 3 orang (3.8%) dalam bidang Fizik dan P.Islam, serta masing-masing 1 orang (1.3%) menyatakan dalam bidang B. Melayu, Kimia, B. Melayu, Sejarah, B. Melayu/ Geografi (PMG), Bahasa Inggeris, Bimbingan & Kaunseling, Biologi, Sains, Ekonomi Asas, Geografi, K. Hidup Bersepadu, Kemahiran Hidup, Kesusasteraan Melayu, Kesusasteraan Melayu, PSV, Kimia, Lukisan, Matematik, Matematik Tambahan, P. Moral, P. Moral, B. Melayu, Pendidikan Sains, Pendidikan Sains Sukan, Pendidikan Sains, Pendidikan Seni, Pengajian Am, Pengajian Am, Kaunseling, Pengajian Malaysia, Pengurusan Perniagaan, Perdagangan, PJK, Sains, Sains Pertanian, Sastera/Sejarah, Sejarah, P. Islam, Teknologi serta Pendidikan dan terdapat 7 orang (8.8%) tidak dinyatakan.

Bidang/Gabungan Bidang	Kekerapan	Peratusan
B. Arab	1	1.3
B. Inggeris	8	10.0
B. Inggeris/ Pen.Moral	1	1.3
B. Melayu	9	11.3
B. Melayu/ Geografi	1	1.3
B. Melayu/ Pen. Moral	3	3.8
B. Melayu/ Pen. Seni Visual	1	1.3
B. Melayu/ PJK	1	1.3
B. Melayu/ Sejarah	1	1.3
Ekonomi Asas/ B. Melayu/ Sejarah	1	1.3
Ekonomi Asas/ B. Melayu/ Sejarah/ P.	1	1.3
Geografi	1	1.3
Geografi/ B. Melayu	1	1.3
Geografi/ Sains	1	1.3
Geografi/ Sejarah/ B. Melayu	1	1.3
K. Hidup Bersepadu	1	1.3
Kemahiran Hidup/ Pen. Moral/ PJK	1	1.3
Kesusasteraan Melayu	1	1.3
Kimia/ Sains	2	2.5
KMM/ KMK	1	1.3
Matematik	1	1.3
Matematik Tambahan	1	1.3
Matematik Tambahan/ Fizik	1	1.3
Matematik/ Fizik/ ICTL	1	1.3

Matematik/ Fizik/ PJK	1	1.3
P. Am	1	1.3
P. Am/ Pen.Moral/ Kesusasteraan Melayu/ Pen. Seni Visual	1	1.3
P. Am/ PJK/ Sejarah/ P. Moral	1	1.3
Pen. Seni Visual	3	3.8
Pen. Seni Visual/ PJK/ Pen.Moral	1	1.3
Pendidikan Islam	1	1.3
Perdagangan	1	1.3
Perdagangan/ B. Melayu	1	1.3
PJK	2	2.5
PJK/ Geografi	1	1.3
PJK/ Pen. Moral	1	1.3
Prinsip Perkaunan	1	1.3
PSI (Pendidikan Syariah Islamiah)	1	1.3
Sains	4	5.0
Sains Pertanian	1	1.3
Sastera/ Sejarah	1	1.3
Sejarah	3	3.8
Sejarah/ B. Melayu	3	3.8
Sejarah/ Geografi	1	1.3
Sejarah/ Pen. Moral/ Pen.Sivik dan		
Sejarah/ Pen.Moral	1	1.3
Sejarah/ Sains	1	1.3
Teknologi Kejuruteraan/ KHB-PK/ Pen.		
Tidak dinyatakan	4	5.0

Jadual 3: Subjek Diajar Sekarang

Jadual di atas menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut subjek yang diajar sekarang. Dapatan menunjukkan seramai 9 orang (11.3%) mengajar Bahasa Melayu. Diikuti 8 orang (10.0%) mengajar Bahasa Inggeris, 4 orang (5.9%) Sains, masing-masing 3 orang (3.8%) mengajar Bahasa Melayu atau Pendidikan Moral, Pendidikan Seni Visual, Sejarah, Sejarah atau Bahasa Melayu, 2 orang (2.5%) Pendidikan Jasmani dan masing-masing 1 orang (1.3%) yang mengajar subjek B. Arab, B. Inggeris/ Pen.Moral, B. Melayu/ Geografi, B. Melayu/ Pen. Moral, B. Melayu/ Pen. Seni Visual, B. Melayu/ PJK, B. Melayu/ Sejarah, Ekonomi Asas/ B. Melayu/ Sejarah, Ekonomi Asas/ B. Melayu/ Sejarah/ P. Moral, Geografi, Geografi/ B. Melayu, Geografi/ Sains, Geografi/ Sejarah/ B. Melayu, Kemahiran . Hidup Bersepadu, Kemahiran Hidup/ Pen. Moral/ PJK, Kesusasteraan Melayu, Kimia/ Sains, KMM/ KMK, Matematik, Matematik Tambahan, Matematik Tambahan/ Fizik, Matematik/ Fizik/ ICTL, Matematik/ Fizik/ PJK, P. Am, P. Am/ Pen.Moral/ Kesusasteraan Melayu/ Pen. Seni Visual, P. Am/ PJK/ Sejarah/ P. Moral, Pen. Seni Visual, Pen. Seni Visual/ PJK/ Pen.Moral, Pendidikan Islam, Perdagangan, Perdagangan/ B. Melayu, PJK, PJK/ Geografi,PJK/ Pen. Moral, Prinsip Perkaunan, PSI (Pendidikan Syariah Islamiah), Sains, Sains Pertanian, Sastera/ Sejarah, Sejarah/ Geografi, Sejarah/ Pen. Moral/ Pen.Sivik dan Kewarganegaraan, Sejarah/ Pen.Moral, Sejarah/ Sains dan subjek Teknologi Kejuruteraan/ KHB-PK/ Pen. Seni Visual. Manakala 4 orang (5.0%) lagi tidak dinyatakan.

Bil	Kenyataan	Tidak Berpuashati %	Sedikit puashati %	Sederhana puashati %	Puashati %	Sangat puashati %	Jumlah Purata
1	Perbelanjaan pulang ke tempat asal	26 33.3	11 14.1	21 26.9	12 15.4	8 10.3	78 2.5513
2	Elaun kritikal	18 23.4	14 18.2	20 26.0	23 29.9	2 2.6	77 2.7013
3	Kos hidup di tempat bekerja	10 12.7	9 11.4	32 40.5	25 31.6	3 3.8	79 3.0253
4	Pendedahan isu-isu semasa menerusi media cetak dan elektronik	9 11.3	10 12.5	26 32.5	29 36.3	6 7.5	80 3.625
5	Kemudahan bekalan air dan elektrik	11 13.9	9 11.4	9 11.4	38 48.1	12 15.2	79 3.3924
6	Kemudahan kuarters guru	8 10.1	16 20.3	22 27.8	30 38.0	3 3.8	79 3.0506
7	Tempat hiburan dan kawasan rekreasi di lokasi mengajar	17 21.3	17 21.3	25 31.3	19 23.8	2 2.5	80 2.6500
8	Tempoh perkhidmatan yang diberikan kerajaan (cuti bersara hingga 60 tahun)	7 8.8	5 6.3	30 37.5	29 36.3	9 11.3	80 3.3500
9	Anugerah Khidmat Cemerlang (APC)	4 5.0	10 12.5	33 41.3	27 33.8	6 7.5	80 3.2625
10	Kedudukan skim gaji sekarang	4 5.1	4 5.1	29 36.7	37 46.8	5 6.3	79 3.4430
11	Urusan kebajikan guru (cth : mudah mendapat cuti apabila berlaku kematian ahli keluarga selain ibu bapa)	7 8.8	2 2.5	28 35.0	35 43.8	8 10.0	80 3.4375
12	Peluang cuti belajar	6 7.5	7 8.8	36 45.0	28 35.0	3 3.8	80 3.1875
13	Peluang sambung belajar di peringkat tertinggi	6 7.5	9 11.3	27 33.8	33 41.3	5 6.3	80 3.2750
14	Peluang kenaikan pangkat	5 6.3	11 13.8	35 43.8	25 31.3	4 5.0	80 3.1500
15	Kerjasama PIBG dalam membantu pengurusan pihak sekolah dan (cth: mencari dana untuk membeli peralatan sekolah untuk kelas tambahan seperti meja, kerusi dll)	9 11.3	4 5.0	23 28.7	34 42.5	10 12.5	80 3.4000

Jadual 4: Kepuasan Bekerja

Jadual di atas menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut kepuasan bekerja. Kebanyakan responden yang menyatakan tidak berpuashati dengan perbelanjaan pulang ke tempat asal adalah seramai 26 orang (33.3%). Diikuti 21 orang (26.9%) sederhana puashati, 12 orang (15.4%) puashati, 11 orang (14.1%) sedikit puashati dan 8 orang (10.3%) sangat puashati. Dari segi elaun kritikal pula seramai 23 orang (29.9%) menyatakan puashati. Diikuti 20 orang (26.0%) sederhana puashati, 18 orang (23.4%) tidak berpuashati, 14 orang (18.2%) sedikit puashati dan 2 orang (2.6%) sangat puashati. Berhubung dengan kos hidup di tempat kerja, seramai 32 orang (40.5%) menyatakan sederhana puashati. Diikuti 25



orang (31.6%) puashati, 10 orang (12.7%) tidak berpuashati, 9 orang (11.4%) sedikit puashati dan 3 orang (3.8%) sangat puashati. Manakala perihal pendedahan isu-isu semasa menerusi media cetak dan elektronik, majoriti responden menyatakan puashati seramai 29 orang (36.3%). Diikuti 26 orang (32.5%) sederhana puashati, 10 orang (12.5%) sedikit puashati, 9 orang (11.3%) tidak berpuashati dan 6 orang (7.5%) sangat puashati. Dapatan kajian juga menunjukkan seramai 38 orang (48.1%) menyatakan puashati dengan kemudahan bekalan air dan elektrik. Diikuti 12 orang (15.2%) sangat puashati, 11 orang (13.9%) tidak berpuashati dan 9 orang (11.4%) masing-masing menyatakan sedikit puashati dan sederhana puashati. Di samping itu, responden yang menyatakan puashati dengan kemudahan kuarters guru adalah seramai 30 orang (38.0%). Diikuti 22 orang (27.8%) sederhana puashati, 16 orang (20.3%) sedikit puashati, 8 orang (10.1%) tidak berpuashati dan 3 orang (3.8%) sangat puashati.

Merujuk kepada tempat hiburan dan kawasan rekreasi di lokasi mengajar, kebanyakan responden menyatakan sederhana puashati iaitu seramai 25 orang (31.3%). Diikuti 19 orang (23.8%) puashati dan masing-masing 17 orang (21.3%) menyatakan sedikit puashati dan tidak berpuashati serta hanya 2 orang (2.5%) menyatakan sangat puashati. Dari segi tempoh perkhidmatan yang diberikan kerajaan (cuti bersara hingga 60 tahun), kebanyakan responden yang menyatakan sederhana puashat seramai 30 orang (37.5%). Diikuti 29 orang (36.3%) puashati, 9 orang (11.3%) sangat puashati, 7 orang (8.8%) tidak berpuashat dan 5 orang (6.3%) sedikit puashati. Manakala persoalan tentang Anugerah Khidmat Cemerlang (APC) pula, seramai 33 orang (41.3%) menyatakan sederhana puashati. Diikuti 27 orang (33.8%) puashati, 10 orang (12.5%) sedikit puashati, 6 orang (7.5%) sangat puashati dan 4 orang (5.1%) tidak berpuashati. Berhubung dengan kedudukan skim gaji sekarang, rata-rata responden menyatakan puashati iaitu seramai 37 orang (46.8%). Diikuti 29 orang (36.7%) sederhana puashati, 5 orang (6.3%) sangat puashati dan 4 orang (5.1%) masing-masing menyatakan sedikit puashati dan tidak berpuashati.

Dari aspek urusan kebajikan guru seperti mudah mendapat cuti apabila berlaku kematian ahli keluarga selain ibu bapa, seramai 35 orang (43.8%) menyatakan puashati, 28 orang (35.0%) sederhana puashati, 8 orang (10.0%) sangat puashati, 7 orang (8.8%) tidak berpuashati dan 2 orang (2.5%) sedikit puashati. Manakala isu peluang cuti belajar, seramai 36 orang (45.0%) menyatakan sederhana puashati. Diikuti 28 orang (35.0%) puashati, 7 orang (8.8%) sedikit puashati, 6 orang (7.5%) tidak berpuashati dan 3 orang (3.8%) sangat puashati. Dapatan juga menunjukkan seramai 33 orang (41.3%) menyatakan puashati tentang peluang sambung belajar di peringkat tertinggi. Diikuti 27 orang (33.8%) sederhana puashati, 9 orang (11.3%) sedikit puashati, 6 orang (7.5%) tidak berpuashati dan 5 orang (6.3%) sangat puashati. Manakala isu peluang kenaikan pangkat. Kebanyakan responden yang menyatakan sederhana puashati seramai 35 orang (43.8%). Diikuti 25 orang (31.3%) puashati, 11 orang (13.8%) sedikit puashati, 5 orang (6.3%) yang tidak berpuashati dan 4 orang (5.0%) sangat puasahati. Dari segi kerjasama PIBG dalam membantu pengurusan pihak sekolah dan guru (cth: mencari dana untuk membeli peralatan sekolah untuk kelas tambahan seperti meja, kerusi dan lain-lain. Kebanyakan responden yang menyatakan puashati seramai 34 orang (42.5%). Diikuti 23 orang (28.7%) sederhana puashati, 10 orang (12.5%) sangat puashati, 9 orang (11.3%) sahaja yang tidak berpuashati dan 4 orang (5.0%) menyatakan sedikit puashati.

Bil	Kenyataan	Tidak Faham %	Kurang Faham %	Faham Sedikit %	Faham %	Amat Faham %	Jumlah Purata
1	Agama asas dan sistem kehidupan	-	-	6 7.5	43 53.8	31 38.8	80 4.3126
2	Bahasa Inggeris adalah bahasa ekonomi	1 1.3	4 5.0	22 27.5	47 58.8	6 7.5	80 3.6625
3	Amanah saham nasional (ASN)/ Amanah Saham Bumiputera Amanah Saham Wawasan (ASW)	3 3.8	3 3.8	29 36.3	38 47.5	7 8.8	80 3.5375
4	Wawasan 2020	-	6 7.5	10 12.5	50 62.5	14 17.5	80 3.9000
5	Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M)	2 2.5	6 7.5	18 22.5	44 55.0	10 12.5	80 3.6750
6	Konsep 1 Malaysia	1 1.3	5 6.3	17 21.3	46 57.5	11 13.8	80 3.7625
7	Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10)	-	4 5.0	31 38.8	38 47.5	7 8.8	80 3.6000
8	Bidang Keberhasilan Utama (NKRA)	-	6 7.5	26 32.5	42 52.5	6 7.5	80 3.6000
9	Dasar Pandang ke Timur	1 1.3	4 5.0	22 27.5	47 58.8	6 7.5	80 3.6625
10	Dasar Penduduk 70 juta	-	7 8.8	26 32.5	43 53.8	4 5.0	80 3.5500
11	Dasar Penswastaan	-	6 7.5	17 21.3	52 65.0	5 6.3	80 3.7000
12	Sistem Saraan Malaysia (SSM)	-	5 6.3	22 27.5	50 62.5	3 3.8	80 3.5875
13	LGBT (Lesbian, Gay, Biseksual, Transeksual)	2 2.5	4 5.0	21 26.3	44 55.0	9 11.3	80 3.6750
14	Dasar Pembangunan Nasional	-	5 6.3	22 27.5	48 60.0	5 6.3	80 3.6625
15	Pertanian adalah Perniagaan	-	5 6.3	18 22.5	49 61.3	8 10.0	80 3.7500
16	Rakyat Berpendapatan Tinggi	-	8 10.0	21 26.3	43 53.8	8 10.0	80 3.6375
17	Klinik 1 Malaysia	2 2.5	4 5.0	18 22.5	46 57.5	10 12.5	80 3.7250
18	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	2 2.5	3 3.8	20 25.0	46 57.5	9 11.3	80 3.7125
19	Perhimpunan BERSIH	3 3.8	2 2.5	30 37.5	40 50.0	5 6.3	80 3.5250
20	Dasar Pendidikan Negara	1 1.3	5 6.3	10 12.5	55 68.8	9 11.3	80 3.8250
21	Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC)	2 2.5	7 8.8	27 33.8	39 48.8	4 5.0	80 3.4557
22	Autonomi Sekolah dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD)	2 2.5	8 10.0	26 32.5	37 46.3	7 8.8	80 3.4875
23	Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)	-	4 5.0	17 21.3	48 60.0	11 13.8	80 3.8250
24	Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT)	-	3 3.8	10 12.5	48 60.0	19 23.8	80 4.0375
25	Dasar Pembangunan Nasional (DPN)	-	4 5.0	25 31.3	42 52.5	9 11.3	80 3.7000
26	Dasar Perindustrian Negara	-	5 6.3	27 33.8	41 51.2	7 8.8	80 3.6250
27	Dasar Pertanian Negara	-	8 10.0	20 25.0	45 56.3	7 8.8	80 3.6375
		1	3	12	49	15	80

28	Dasar Pendidikan	1.3	3.8	15.0	61.3	18.8	3.9250
29	Dasar Pengurusan Perbelanjaan Negara	3	5	31	37	4	80
		3.8	6.3	38.8	46.3	5.0	3.4250
30	Dasar Wanita Negara	2	4	31	38	4	79
		2.5	5.0	38.8	47.5	5.0	3.4810

Jadual 5: Persepsi Guru Terhadap Isu-isu Semasa

Jadual di atas menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut persepsi guru terhadap isu-isu semasa. Kebanyakan dapatan menunjukkan seramai 43 orang (53.8%) menyatakan faham agama sebagai asas dan sistem kehidupan, diikuti 31 orang(38.8%) menyatakan amat faham dan 6 orang (7.5%) menyatakan faham sedikit. Dari segi Bahasa Inggeris adalah bahasa ekonomi, dapatan menunjukkan seramai 47 orang (58.8%) menyatakan faham. Diikuti 22 orang (27.5%) faham sedikit, 6 orang (7.5%) amat faham,4 orang (5.0%) kurang faham dan 1 orang (1.3%) tidak faham. Manakala persepsi guru tentang Amanah Saham Nasional (ASN)/ Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Wawasan (ASW), data menunjukkan seramai 38 orang (47.5%) menyatakan faham. Diikuti 29 orang (36.3%) faham sedikit , 7 orang (8.8%) amat faham dan masing-masing 3 orang (3.8%) menyatakan kurang faham dan tidak faham.

Begitu juga persepsi guru terhadap Wawasan 2020. Dapatan menunjukkan seramai 50 orang (62.5%) menyatakan faham. Diikuti 14 orang (17.5%) amat faham, 10 orang (12.5%) faham sedikit dan 6 orang (7.5%) kurang faham. Tentang Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M), kebanyakan responden iaitu seramai 44 orang (55.0%) menyatakan faham, diikuti 18 orang (22.5%) faham sedikit, 14 orang (17.5%) amat faham, 10 orang (12.5%) amat faham, 6 orang (7.5%) kurang faham dan hanya 2 orang (2.5%) tidak faham. Situasi yang sama dengan persepsi terhadap Konsep 1 Malaysia. Kebanyakan responden seramai 46 orang (57.5%) menyatakan faham, 17 orang (21.3%) faham sedikit, 11 orang (13.8%) amat faham, 5 orang (6.3%) kurang faham dan 1 orang (1.3%) tidak faham.

Dapatan juga menunjukkan persepsi guru terhadap Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) menunjukkan seramai 38 orang (47.5%) menyatakan faham, 31 orang (38.8%), faham sedikit, 7 orang (8.8%) amat faham dan 4 orang (5.0%) kurang faham. Begitu juga tentang isu-isu semasa lain, antaranya seramai 42 orang (52.5%) menyatakan faham berkaitan bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Diikuti faham sedikit seramai 26 orang (32.5%) dan masing-masing 6 orang (7.5%) menyatakan amat faham dan kurang faham. Manakala tentang isu Dasar Pandang ke Timur seramai 47 orang (58.8%) menyatakan faham, 22 orang (27.5%) faham sedikit, 6 orang (7.5%) amat faham, 4 orang (5.0%) kurang faham dan 1 orang (1.3%) tidak faham. Manakala isu tentang Dasar Penduduk 70 juta seramai 43 orang (53.8%) menyatakan faham. Diikuti 26 orang (32.5%) faham sedikit, 7 orang (8.8%) kurang faham dan 4 orang (5.0%) amat faham.

Begitu juga dengan isu Dasar Penswastaan. Kebanyakan responden menyatakan faham seramai 52 orang (65.0%). Diikuti 17 orang (21.3%) faham sedikit, 6 orang (7.5%) kurang faham dan 5 orang (6.3%) amat faham. Manakala responden yang menyatakan faham tentang Sistem Saraan Malaysia (SSM) adalah seramai 50 orang (62.5%), diikuti 22 orang (27.5%) faham sedikit, 5 orang (6.3%) kurang faham dan 3 orang (3.8%) amat faham. Tentang isu LGBT (Lesbian, Gay, Bisexual, Transeksual) pula, kebanyakan responden menyatakan faham seramai 44 orang (55.0%), 21 orang (26.3%) faham sedikit, 9 orang (11.3%) amat faham, 4 orang (5.0%) kurang faham dan 2 orang (2.5%) tidak faham. Dapatan juga

menunjukkan seramai 48 orang (60.0%) menyatakan faham tentang Dasar Pembangunan Nasional. Diikuti 22 orang (27.5%) faham sedikit dan masing-masing 5 orang (6.3%) menyatakan amat faham dan kurang faham. Dalam isu Pertanian adalah Perniagaan, seramai 49 orang (61.3%) menyatakan faham, diikuti 18 orang (22.5%) faham sedikit, 8 orang (10.0%) amat faham dan 5 orang (6.3%) kurang faham.

Dari segi isu Rakyat Berpendapatan Tinggi, majoriti responden menyatakan faham seramai 43 orang (53.8%). Diikuti 21 orang (26.3%) faham sedikit dan masing-masing 8 orang (10.0%) menyatakan amat faham dan kurang faham. Manakala tentang isu Klinik 1 Malaysia, seramai 46 orang (57.5%) menyatakan faham, 18 orang (22.5%) menyatakan faham sedikit, 10 orang (12.5%) amat faham, 4 orang (5.0%) kurang faham dan 2 orang (2.5%) tidak faham. Manakala dalam isu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kebanyakan responden menyatakan faham seramai 46 orang (57.5%) faham, 20 orang (25.0%) faham sedikit, 9 orang (11.3%) amat faham, 3 orang (3.8%) kurang faham dan 2 orang (2.5%) tidak faham. Dalam isu Perhimpunan BERSIH, responden yang menyatakan faham seramai 40 orang (50.0%), 30 orang (37.5%) faham sedikit, 5 orang (6.3%) amat faham, 3 orang (3.8%) tidak faham dan 2 orang (2.5%) kurang faham. Berkaitan isu Dasar Pendidikan Negara, kebanyakan responden menyatakan faham seramai 55 orang (68.8%), 10 orang (12.5%) faham sedikit, 9 orang (11.3%) amat faham, 5 orang (6.3%) kurang faham dan 1 orang (1.3%) tidak faham.

Persepsi guru terhadap isu semasa lain antaranya berkaitan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), majoriti responden menyatakan faham seramai 39 orang (48.8%), 27 orang (33.8%) faham sedikit, 7 orang (8.8%) kurang faham, 4 orang (5.0%) amat faham dan 2 orang (2.5%) tidak faham. Manakala isu tentang Autonomi Sekolah dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), kebanyakan responden menyatakan faham seramai 39 orang (46.3%), diikuti 26 orang (32.5%) faham sedikit, 8 orang (10.0%) kurang faham, 7 orang (8.8%) amat faham dan hanya 2 orang (2.5%) tidak faham. Dapatan juga menunjukkan isu tentang Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT), data menunjukkan seramai 48 orang (60.0%) menyatakan faham, diikuti 17 orang (21.3%) kurang faham, 11 orang (13.8%) amat faham dan 4 orang (5.0%) kurang faham. Manakala tentang Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), seramai 48 orang (60.0%) menyatakan faham, 19 orang (23.8%) amat faham, 10 orang (12.5%) faham sedikit dan 3 orang (3.8%) kurang faham.

Dari segi Dasar Pembangunan Nasional (DPN) seramai 42 orang (52.5%) menyatakan faham, 25 orang (31.3%) faham sedikit, 9 orang (11.3%) amat faham dan 4 orang (5.0%) kurang faham. Manakala tentang isu Dasar Perindustrian Negara, data analisa menunjukkan 41 orang (51.2%) menyatakan faham, 27 orang (33.8%) faham sedikit, 7 orang (8.8%) amat faham dan 5 orang (6.3%) kurang faham. Begitu juga dengan Dasar Pertanian Negara, responden menyatakan faham seramai 45 orang (56.3%). Diikuti 20 orang (25.0%) faham sedikit, 8 orang (kurang faham dan 7 orang (8.8%) amat faham. Dalam aspek Dasar Pendidikan, responden yang menyatakan faham seramai 49 orang (61.3%), 15 orang (18.9%) amat faham, 12 orang (15.0%) faham sedikit, 3 orang (3.8%) kurang faham dan 1 orang (1.3%) tidak faham. Berkaitan kefahaman tentang isu Dasar Pengurusan Perbelanjaan Negara, majoriti responden menyatakan faham seramai 37 orang (46.3%), diikuti 31 orang (38.8%) faham sedikit, 5 orang (6.3%) kurang faham dan 3 orang (3.8%) tidak faham. Seterusnya tentang Dasar Wanita Negara, majoriti responden menyatakan 38 orang (47.5%) faham. Diikuti 31 orang (38.8%) faham sedikit, masing-masing 4 orang

(5.0%) menyatakan amat faham dan kurang faham serta hanya 2 orang (2.5%) menyatakan tidak faham.

Bil	Kenyataan	Tidak Serius %	Kurang Serius %	Sederha na Serius %	Serius %	Sangat Serius %	Jumlah Purata
1	Pelajar bersifat pasif, malu, tidak aktif dalam kelas, kurang yakin &	2 2.5	15 18.8	28 35.0	27 33.8	8 10.0	80 3.3000
2	Tidak menumpukan perhatian semasa belajar	1 1.3	14 17.5	19 23.8	28 35.0	18 22.5	80 3.6000
3	Tidak berminat dengan subjek diajar	3 3.8	12 15.0	25 31.3	25 31.3	15 18.8	80 3.4625
4	Malas dan menanggung kerja-kerja sekolah	1 1.3	12 15.0	13 16.3	31 38.8	23 28.7	80 3.7875
5	Tidak suka membaca buku atau mengambil bahagian ketika sesi perbincangan	2 2.5	9 11.3	23 28.7	22 27.5	24 30.0	80 3.7125
6	Lebih suka dalam bidang selain akademik seperti aktiviti sukan budaya	5 6.3	10 12.5	21 26.3	28 35.0	16 20.0	80 3.5000
7	Gejala sosial seperti ponteng sekolah, terlibat dengan dadah, merokok, bergaduh, buli dll	8 10.0	11 13.8	23 28.7	23 28.7	15 18.8	80 3.3250
8	Pandangan negatif kepada guru, ibu bapa dan orang yang lebih	8 10.0	15 18.8	26 32.5	22 27.5	9 11.3	80 3.1125
9	Mempamerkan budaya barat negatif seperti bercakap kasar dengan guru	7 8.8	17 21.3	20 25.0	21 26.3	15 18.8	80 3.2500
10	Tiada kematangan dalam keputusan	-	16 20.0	21 26.3	26 32.5	17 21.3	80 3.5500
11	Komunikasi yang lemah antara pelajar dengan guru	5 6.3	13 16.3	35 43.8	19 23.8	8 10.0	80 3.1500
12	Kualiti kepimpinan yang masih lemah	2 2.5	10 12.5	25 31.3	29 36.3	14 17.5	80 3.5375
13	Tidak mampu berfikir kritis dan lemah dalam menyelesaikan permasalahan	-	10 12.5	20 25.0	37 46.3	13 16.3	80 3.6625
14	Tidak hadir kelas dengan alasan yang kurang munasabah	7 8.8	13 16.3	17 21.3	26 32.5	17 21.3	80 3.4125
15	Masalah kewangan membantut pelajaran pelajar	5 6.3	14 17.5	30 37.5	22 27.5	9 11.3	80 3.2000
16	Kerap ponteng kelas-kelas tambahan	1 1.3	11 13.8	17 21.3	31 38.8	20 25.0	80 3.7250
17	Penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum	8 10.0	10 12.5	28 35.0	29 36.3	5 6.3	80 3.1625

Jadual 6: Persepsi Guru terhadap Permasalahan Pembelajaran Pelajar

Jadual di atas menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut persepsi guru terhadap permasalahan pembelajaran pelajar. Merujuk kepada Jadual di atas mengenai soalan persepsi guru terhadap permasalahan pembelajaran pelajar, analisa menunjukkan seramai 28 orang (35.0%) menyatakan sederhana serius pelajar bersifat pasif, malu, tidak aktif dalam kelas, kurang yakin & takut berkongsi idea. Diikuti serius seramai 27 orang (33.8%), kurang serius 15 orang (18.8%), sangat serius 8 orang (10.0%) dan tidak serius 2 orang atau 2.5%. Dari segi

tidak menumpukan perhatian semasa belajar seramai 28 orang (35.0%) menyatakan serius, diikuti 19 orang (23.8%) sederhana serius, 18 orang (22.5%) sangat serius, 14 orang (17.5%) kurang serius dan hanya 1 orang (1.3%) tidak serius.

Dapatan kajian menunjukkan data yang sama iaitu seramai 25 orang (31.3%) menyatakan serius dan sederhana serius tidak berminat dengan subjek yang diajar. Diikuti 15 orang (18.8%) sangat serius, 12 orang (15.0%) kurang serius dan 3 orang (3.8%) tidak serius. Selain itu data juga menunjukkan 31 orang (38.8%) bersikap serius dengan persoalan malas dan menanggung kerja-kerja sekolah. Diikuti 23 orang (28.7%) sangat serius, 13 orang (16.3%) sederhana serius, 12 orang (15.0%) kurang serius dan hanya 1 orang (1.3%) tidak serius.

Selanjutnya data berkaitan tidak suka membaca buku atau mengambil bahagian ketika sesi perbincangan, dapatan menunjukkan seramai 24 orang (30.0%) menyatakan sangat serius. Manakala seramai 23 orang (28.7%) menyatakan sederhana serius, Diikuti 22 orang (27.5%) serius, 9 orang (11.3%) kurang serius dan 2 orang (2.5%) tidak serius. Dapatan juga menunjukkan seramai 28 orang (35.0%) menyatakan serius berkaitan persoalan tentang lebih suka dalam bidang selain akademik seperti aktiviti sukan dan budaya. Diikuti seramai 21 orang (26.3%) menyatakan sederhana serius, 16 orang (20.0%) menyatakan sangat serius, 10 orang (12.5%) kurang serius dan 5 orang (6.3%) tidak serius.

Dari aspek gejala sosial seperti ponteng sekolah, terlibat dengan dadah, merokok, bergaduh, buli dan lain-lain, kebanyakan responden iaitu seramai 23 orang (28.7%) masing-masing bersetuju menyatakan serius dan sederhana serius. Diikuti seramai 15 orang (18.8%) sangat serius, 11 orang (13.8%) kurang serius dan 8 orang (10.0%) tidak serius. Manakala persepsi terhadap pandangan negatif kepada guru, ibu bapa dan orang yang lebih tua, data menunjukkan seramai 26 orang (32.5%) menyatakan sederhana serius. Diikuti seramai 22 orang (27.5%) serius, 15 orang (18.8%) kurang serius, 9 orang (11.3%) sangat serius dan 8 orang (10.0%) tidak serius.

Dari segi mempamerkan budaya barat yang negatif seperti bercakap kasar dengan guru, dapatan menunjukkan seramai 21 orang (26.3%) menyatakan serius. Diikuti seramai 20 orang (25.0%) sederhana serius, 15 orang (18.8%) sangat serius, 17 orang (21.3%) kurang serius dan 7 orang (8.8%) tidak serius. Manakala data tentang tiada kematangan dalam membuat keputusan, 26 orang (32.5%) responden menyatakan serius. Diikuti 21 orang (26.3%) sederhana serius, 17 orang (21.3%) sangat serius dan 16 orang (20.0%) kurang serius. Berkaitan dengan komunikasi yang lemah antara pelajar dengan guru, data menunjukkan seramai 35 orang (43.8%) menyatakan sederhana serius. Diikuti 19 orang (23.8%) serius, 13 orang (16.3%) kurang serius, 8 orang (10.0%) sangat serius dan hanya 5 orang (6.3%) tidak serius.

Dapatan juga menunjukkan seramai 29 orang (36.3%) menyatakan serius berkaitan dengan kualiti kepimpinan yang masih lemah. Diikuti 25 orang (31.3%) sederhana serius, 14 orang (17.5%) sangat serius, 10 orang (12.5%) kurang serius dan hanya 2 orang (2.5%) tidak serius. Manakala data tentang responden tidak mampu berfikir kritis dan lemah dalam menyelesaikan permasalahan menunjukkan seramai 37 orang (46.3%) menyatakan serius. Diikuti 20 orang (25.0%) sederhana serius, 13 orang (16.3%) sangat serius dan 10 orang (12.5%) kurang serius.

Manakala isu responden tidak hadir kelas dengan alasan yang kurang munasabah, data menunjukkan seramai 26 orang (32.5%) menyatakan serius. Diikuti masing-masing 17 orang (21.3%) menyatakan sangat serius dan sederhana serius, 13 orang (16.3%) kurang serius dan 7 orang (8.8%) tidak serius. Dapatan tentang masalah kewangan membantut pelajaran pelajar, data menunjukkan seramai 30

orang (37.5%) menyatakan sederhana serius. Diikuti seramai 22 orang (27.5%) menyatakan serius, 14 orang (17.5%) kurang serius, 9 orang (11.3%) sangat serius dan 5 orang (6.3%) tidak serius

Manakala dapatan kajian tentang kerap ponteng kelas-kelas tambahan menunjukkan seramai 31 orang (38.8%) menyatakan serius. Diikuti 20 orang (25.0%) sangat serius, 17 orang (21.3%) sederhana serius, 11 orang (13.8%) kurang serius dan 1 orang (1.3%) tidak serius. Begitu juga dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum, dapatan menunjukkan seramai 29 orang (36.3%) menyatakan serius. Diikuti 28 orang (35.0%) sederhana serius, 10 orang (12.5%) kurang serius . 8 orang (10.0%) tidak serius dan hanya 5 orang (6.3%) menyatakan sangat serius

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan dalam proses pembelajaran di sekolah ke arah membina modal insan yang memiliki jati diri insan antaranya; pelajar harus diberi autonomi untuk memilih matapelajaran yang akan diambil. contohnya, bahasa inggeris dijadikan matapelajaran elektif di mana hanya mereka yang berminat atau berpendapat bahawa mereka memerlukannya akan mendaftar untuk kelas-kelas matapelajaran tersebut, menambahkan kemudahan slot bbm dalam bentuk audio visual, menyediakan kemudahan seperti makmal sains dan makmal computer, mengambil berat dalam pendidikan moral dan pembentukan disiplin pelajar supaya proses pembelajaran dapat berjalan dengan baik, menambahbaik kemudahan dalam kelas untuk keselesaan pelajar dan guru semasa proses p & p, pembahagian tugas kepada guru-guru sepatutnya adil dan tidak membebankan sebahagian guru sahaja; komunikasi antara guru dan pelajar mestilah seimbang untuk membentuk suasana hidup yang selesa, menyediakan bilik khas untuk penggunaan lcd/tv pendidikan supaya pelajar tidak bosan semasa p & p; penggunaan ict semasa p & p boleh menarik minat pelajar, pelajar lemah perlu diberi tempat untuk belajar kemahiran/teknikal dari tingkatan satu lagi, mewujudkan sistem aliran kemahiran dari tingkatan satu lagi khas untuk pelajar yang kurang suka belajar akademik, menyediakan lebih kemudahan seperti projector atau lcd untuk memudahkan set induksi, menyediakan prasarana yang lengkap dan selesa bagi menjamin p & p yang lebih berkesan cth: menyediakan kawasan tapak berbincang yang lebih baik untuk p & p luar bilik darjah, proses p & p di sekolah perlu dipelbagaikan ; masalah salah laku dan disiplin yang semakin membimbangkan perlu diambil dengan serius, semua kakitangan guru bekerjasama dalam urusan akademik, kokurikulum dan hal ehwal pelajar, memberikan kuasa lebih pada guru untuk membuat keputusan dan membuat rombakan kepada sistem pendidikan negara supaya wujud situasi "win win situation", mebekalkan kemudahan asas seperti air di sekolah; baikpulih bangunan-bangunan di sekolah yang sudah uzur; tingkatkan kemudahan ict, ibu bapa harus memainkan peranan berkaitan disiplin anak-anak, memerlukan pemerhatian daripada jpn dari masa ke semasa; pihak kpm perlu melaksanakan modul-modul yang lebih berkesan dan terbaik, mewujudkan sistem pendidikan harus sesuai dengan semua jenis/ keadaan pelajar, ditambah dengan kemudahan yang perlu dipastikan lengkap untuk digunakan dalam p&p dan akhir sekali memastikan sistem pendidikan yang lebih flesibel dan holistik yang merangkumi semua aspek, latar belakang dan kemampuan potensi murid yang berbeza-beza mengikut kemahiran dan kecenderungan murid bukan pengukuhan periksaan dalam masa yang sama mengurangkan kuasa autoriti yang membenarkan kelemahan murid seperti diatas. Selain itu, prasarana dan kemudahan sekolah yang lengkap untuk

memastikan kelancaran p&p dan mempraktikan pendekatan yang sesuai dengan perkembangan semasa

## PENGHARGAAN

Pengkaji ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi yang telah meluluskan Geran FRGS sebanyak RM50,000.00 bagi melengkapkan penyelidikan ilmiah ini, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat-Pejabat Pendidikan Daerah Bahagian Bintulu, miri dan limbang, pengetua-pengetua, kaunselor-kaunselor, pegawai JPN, PPD guru-guru di seluruh sekolah di Bahagian Limbang, Miri dan Bintulu atas perkongsian maklumat, bahan-bahan rujukan dan pihak UPM yang membuka ruang kepada pengkaji melengkapkan penyelidikan.

## RUJUKAN

- Ruzman Md. Noor, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhammad Kamil Abd Majid et al. Peranan Institut Pengajian Tinggi Islam dalam pembangunan modal insan di Malaysia: Satu analisis. *Jurnal Kemanusiaan*, 22
- Suriyana Muhammad, Nor Fatimah Che Sulaiman & Nur Azura Sanusi. Innovative capacity, human capital and its contribution to economic development in Malaysia.
- Galeri Jabatan Perdana Menteri. 2007. <http://galeri.jpm.gov.my/rakan/sites/default/files/jul07.pdf> (23 Mei 2015)
- Nurul Maziah Binti Mohd Barkhaya, 2013. Kesiapan Pelajar Memiliki Kemahiran Teknikal Tambahan: Satu Kajian Di UTHM, Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Norain Mat Lazim & Noorah Yusof, 2012. Universiti, Pembangunan Modal Insan Dan Penumpuan Ruang Komuniti Berpendidikan Tinggi Di Malaysia: Suatu Ulasan Kritis. *Journal of Science and Humanities*. Fakulti Sains dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). "Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010". <http://www.moe.gov.my/tayang.php?laman=home&bhs=my>. Tarikh capaian 17hb Februari 2007.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1993). "Falsafah Pendidikan Negara". <http://www.moe.gov.my/tayang.php?laman=falsafah&bhs=my>. Tarikh capaian 18hb Februari 2007.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1993). "Misi Pendidikan Negara". <http://www.moe.gov.my/tayang.php?laman=misi&bhs=my>. Tarikh capaian 18hb Februari 2007